KENYATAAN MEDIA
MAJLIS KESELAMATAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

UNTUK SIARAN SERTA MERTA
Jumaat, 13 November 2026.

TAHAP KESIAPSIAGAAN DAN KOORDINASI AGENSI KESELAMATAN BERJAYA DIUJI DALAM LATIH AMAL KESELAMATAN DI KLIA

1. Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM) berjaya menguji tahap kesiapsiagaan, mekanisme koordinasi antara agensi keselamatan serta keberkesanan prosedur operasi dalam Latih Amal Keselamatan Exercise Eagle Stealth 2026 (Ex Eagle Stealth) di Terminal 1, Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) dari 10 hingga 13 November 2026.

2. Ex Eagle Stealth ini telah dilaksanakan berdasarkan Arahan MKN No. 18: Dasar dan Mekanisme Pengurusan dan Pengendalian Krisis Keganasan (Semakan Semula 2023), turut melibatkan Seminar, *Tabletop Exercise* (TTX), *Field Training Exercise* (FTX) dan *After Action Review* (AAR). Senario latihan pula merangkumi empat (4) komponen ancaman iaitu rampasan pesawat, ancaman dron, *Chemical, Biological, Radiological, Nuclear and Explosive* (CBRNE) serta gangguan komunikasi dan ancaman keselamatan siber.

3. Seramai 1,166 personel telah menjayakan Latih Amal Ex Eagle Stealth sepanjang empat (4) hari yang dianjurkan oleh MKN, JPM dengan kerjasama strategik Malaysia Airports melibatkan agensi-agensi termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN). Latih amal ini turut melibatkan kerjasama sektor korporat iaitu SAPURA Research Sdn. Bhd, PETRONAS dan Weststar Engineering Sdn. Bhd.

4. KLIA merupakan infrastruktur kritikal negara. Seiring dengan perkembangan lanskap ancaman keselamatan yang semakin kompleks, latih amal ini diadakan bagi memastikan tahap kesiapsiagaan, koordinasi dan prosedur operasi di KLIA sentiasa berada dalam keadaan terbaik. Latih amal ini turut menggunakan konsep *Whole-of-Government* dan *Whole-of-Society* melalui penglibatan pelbagai kementerian, jabatan, agensi kerajaan dan pihak berkepentingan dalam pengurusan keselamatan penerbangan.

5. MKN, JPM akan sentiasa memastikan keselamatan, ketenteraman awam dan kedaulatan negara sentiasa terpelihara. Melalui pendekatan proaktif, penyelarasan strategik dan kerjasama padu antara semua agensi keselamatan dan pihak berkepentingan bagi mendepani sebarang cabaran dan ancaman demi menjamin keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.

MAJLIS KESELAMATAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

FOTO DAN VIDEO
LATIH AMAL KESELAMATAN EXERCISE EAGLE STEALTH 2026 (EX EAGLE STEALTH) DI TERMINAL 1, LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KL (KLIA) DARI 10 HINGGA 13 NOVEMBER 2026

https://drive.google.com/drive/folders/1KDWcMEsOkZBsu4eSgdBneREciEa3r-gX?usp=sharing

Kredit Foto dan Video: MKN, JPM